

KESAN TOKEN EKONOMI, PENEGUHAN DAN PERATURAN TERHADAP PERUBAHAN TINGKAH LAKU DISRUPTIF DALAM KALANGAN KANAK-KANAK

SYARINAH BINTI MAD SEHAT

LAPORAN DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (AWAL KANAK-KANAK) (MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2015

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menguji keberkesanan program intervensi menggunakan token ekonomi, peneguhan dan peraturan bagi mengurangkan masalah tingkah laku disruptif dalam kalangan kanak-kanak prasekolah semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Reka bentuk kajian kuasi-eksperimen digunakan bagi melihat keberkesanan program dalam perbandingan antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Reka bentuk Pembalikan ABA digunakan untuk memungut data bagi enam jenis masalah tingkah laku disruptif dengan menggunakan borang pemerhatian. Reka bentuk Pembalikan ABA adalah analisis perubahan tingkah laku ke atas program intervensi yang bermula dari pungutan data sebelum intervensi (A), semasa intervensi (B) dan selepas intervensi dihentikan (A). Seramai 48 orang kanak-kanak yang berumur 6 tahun daripada sebuah prasekolah swasta yang terletak di daerah Seri Kembangan, Selangor telah dipilih sebagai sampel dan dipecahkan kepada dua kumpulan iaitu 24 orang setiap kumpulan. Perbezaan Min penggunaan token dan peraturan dianalisis menggunakan ujian ANOVA sehalia untuk pengukuran berulang dan perbandingan perbezaan Min antara kumpulan dianalisis menggunakan ujian SPANOVA untuk pengukuran berulang. Hasil kajian menunjukkan bahawa kekerapan berlaku masalah tingkah laku disruptif dalam aktiviti membaca adalah yang paling tinggi iaitu 171, aktiviti sains 139 kekerapan dan aktiviti matematik 134 kekerapan. Ini menyebabkan keputusan dapatan kajian terhadap pengurangan masalah tingkah laku disruptif dalam aktiviti membaca ($p>.05$), aktiviti sains ($p>.05$) dan aktiviti matematik ($p>.05$) adalah tidak signifikan. Selain itu, keputusan kajian bagi masalah tingkah laku disruptif dalam ketiga-tiga aktiviti menunjukkan terdapat perbezaan Min yang signifikan antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Penggunaan token ekonomi dan peraturan memberikan kesan yang positif kepada perubahan tingkah laku disruptif pada peringkat intervensi dan strategi ini sesuai digunakan sebagai alternatif kepada strategi hukuman dalam konteks membimbing tingkah laku sekiranya digunakan secara berterusan. Kajian harus dilakukan dengan lebih komprehensif untuk memastikan dapatan lebih signifikan dan konsisten.

Kata kunci: token ekonomi, peraturan, perubahan tingkah laku, tingkah laku disruptif.

EFFECTS OF TOKEN ECONOMY, REINFORCEMENT AND RULES ON DISRUPTIVE BEHAVIOR CHANGES AMONG CHILDREN

ABSTRACT

This study aimed to identify the effect of the intervention program using token economy, reinforcement and rules in order to reduce disruptive behaviour problems among preschool children during the learning process. Quasi-experimental design was used to examine the effectiveness of the program in terms of comparison between the treatment group and control group. The ABA Reversal Design was used in collecting data for six types of disruptive behaviour problems by using an observation form. The ABA Reversal Design is an experimental analysis of behavior changes on intervention program starting from the baseline (A), to intervention (B) and then returning to baseline (A). A total of 48 children aged 6 years from a private preschool located in Seri Kembangan, Selangor were selected as sample and were divided into two groups comprising 24 children each. The Mean difference of token economy and rules were analyzed using one-way ANOVA for repeated measurement and the Mean difference between the two groups was analyzed using SPANOVA test for repeated measurements. The findings revealed that the frequency of disruptive behaviour problems in reading was the highest at 171, frequency of science activities is 139 and frequency of mathematical activities is 134. This shows that the results of the research towards decreasing disruptive behaviour problems in reading activities ($p > .05$), science activities ($p > .05$) and mathematic activities ($p > .05$) were not significant. In addition, the findings of disruptive behaviour problems in all three activities showed that there was a significant difference between the treatment group and the control group. The use of token economy and rules had a positive impact on the disruptive behaviour changes at the intervention level and these strategies are suitable as an alternative to punishment in the context of behavioral guidance if used continuously. A comprehensive study should be done to ensure more significant and consistent findings.

Keywords: token economy, classroom rules, behavior changes, disruptive behavior

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
-----------	----

PENGHARGAAN	iii
-------------	-----

ABSTRAK	iv
---------	----

ABSTRACT	v
----------	---

KANDUNGAN	vi
-----------	----

SENARAI JADUAL	xi
----------------	----

SENARAI SINGKATAN	xiv
-------------------	-----

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Soalan Kajian	8

1.6	Hipotesis Kajian	8
-----	------------------	---

1.7	Kepentingan Kajian	9
-----	--------------------	---

1.8	Batasan Kajian	11
-----	----------------	----

1.9	Kerangka Kajian	12
-----	-----------------	----

1.10	Rasional Pemilihan Tajuk	16
------	--------------------------	----

1.11	Definisi Istilah	18
------	------------------	----

1.11.1	Kesan	18
--------	-------	----

1.11.2	Program Intervensi	18
--------	--------------------	----

1.11.3	Token Ekonomi	20
--------	---------------	----

1.11.4	Peraturan Bilik Darjah	21
--------	------------------------	----

1.11.5	Perubahan Tingkah Laku	23
--------	------------------------	----

1.11.5.1	Tingkah laku Disruptif	23
----------	------------------------	----

1.11.6	Persekitaran Bilik Darjah	25
--------	---------------------------	----

1.11.7	Kanak-kanak Prasekolah	27
--------	------------------------	----

1.12	Rumusan	28
------	---------	----

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	30
-----	------------	----

2.2	Teori-teori Perkembangan Sosial	31
-----	---------------------------------	----

2.2.1	Teori Tingkah Laku	31
-------	--------------------	----

2.2.2	Teori Sosial Budaya	34
-------	---------------------	----

2.2.3	Teori Ekologi	36
-------	---------------	----

2.3	Kesan Intervensi Dalam Perkembangan Kognitif	39
-----	--	----

2.3.1	Membaca	40
-------	---------	----

2.3.2	Sains	41
-------	-------	----

2.3.3	Matematik	42
-------	-----------	----

2.4	Pengurusan Bilik Darjah	44
-----	-------------------------	----

2.5	Masalah Tingkah Laku Disruptif	46
-----	--------------------------------	----

2.6	Konsep Modifikasi	49
-----	-------------------	----

2.6.1	Prinsip Modifikasi	50
-------	--------------------	----

2.7	Kesan Perubahan Tingkah Laku Disruptif	51
-----	--	----

2.7.1	Peraturan	53
-------	-----------	----

2.7.2	Token Ekonomi	55
-------	---------------	----

2.7.3	Kajian-kajian Lepas	57
-------	---------------------	----

2.8	Rumusan	63
-----	---------	----



BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	65
3.2	Reka Bentuk Kajian	66
3.3	Instrumen Kajian	69
3.4	Sampel Kajian	70
3.5	Prosedur Kajian	71
3.5.1	Mengenal pasti Masalah Tingkah Laku	74
3.5.2	Program Intervensi	75
3.5.3	Penilaian Selepas Intervensi	81



3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	82
3.7	Kaedah Mengumpul dan Menganalisis Data	85
3.8	Normaliti Data	87
3.9	Peranan Penyelidik	89
3.10	Etika Penyelidikan Kanak-kanak	89
3.11	Rumusan	91

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	93
-----	------------	----





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

4.2	Latar Belakang Responden	94
4.3	Analisis Deskriptif	95
4.3.1	Jenis Masalah Tingkah Laku Disruptif	96
4.3.2	Program Intervensi	102
4.3.3	Perbandingan Kumpulan Rawatan dan Kawalan	106
4.4	Analisis Inferensi	116
4.4.1	Program Intervensi	117
4.4.2	Perbandingan Kumpulan Rawatan dan Kawalan	120
4.5	Rumusan	132



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	134
5.2	Ringkasan Kajian	135
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	139
5.3.1	Kekerapan Masalah Tingkah Laku Disruptif	140
5.3.2	Keberkesanan Penggunaan Peraturan dan Token Ekonomi	142
5.3.3	Perbandingan Antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	144



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

5.4	Keputusan Hipotesis	146
-----	---------------------	-----

5.5	Sumbangan Kajian	149
-----	------------------	-----

5.5.1	Sumbangan Terhadap Amalan Pengajaran	150
-------	--------------------------------------	-----

5.5.2	Sumbangan Terhadap Teori	151
-------	--------------------------	-----

5.5.3	Sumbangan Terhadap Kajian Lanjutan	153
-------	------------------------------------	-----

5.6	Implikasi Dapatan Kajian	155
-----	--------------------------	-----

5.6.1	Implikasi Terhadap Kanak-kanak	156
-------	--------------------------------	-----

5.6.2	Implikasi Terhadap Guru	157
-------	-------------------------	-----

5.6.3	Implikasi Terhadap Pihak Tadika	157
-------	---------------------------------	-----



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

	RUJUKAN	160
--	---------	-----

	LAMPIRAN	173
--	----------	-----



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
3.1 Proses pelaksanaan program intervensi	68
3.2 Proses pungutan data	74
3.3 Jenis masalah tingkah laku	75
3.4 Peraturan bilik darjah	78
3.5 Nilai perolehan bintang	79
3.6 Sasaran hadiah	80
3.7 Perubahan tingkah laku	82
3.8 Kaedah mengumpul dan menganalisis data	86
3.9 Skor min dan interpretasi	87
3.10 Ujian normaliti	88
4.1 Jumlah dan peratusan responden mengikut jantina	94
4.2 Taburan data frekuensi jenis masalah tingkah laku dalam aktiviti Membaca	97
4.3 Taburan data frekuensi jenis masalah tingkah laku dalam aktiviti Sains	98
4.4 Taburan data frekuensi jenis masalah tingkah laku dalam aktiviti Matematik	99
4.5 Nilai min dan sisihan piawai jenis masalah tingkah laku	102
4.6 Taburan data perbezaan masalah tingkah laku disruptif dalam ketiga-tiga aktiviti	103
4.7 Perbezaan nilai min dan sisihan piawai dalam ketiga-tiga aktiviti	104



4.8	Peratusan perbezaan jenis tingkah laku pra dan pasca dalam aktiviti Membaca	108
4.9	Peratusan perbezaan jenis tingkah laku pra dan pasca dalam aktiviti Sains	110
4.10	Peratusan perbezaan jenis tingkah laku pra dan pasca dalam aktiviti Matematik	112
4.11	Perbandingan perbezaan nilai min dan sisihan piawai aktiviti Membaca	113
4.12	Perbandingan perbezaan nilai min dan sisihan piawai aktiviti Sains	114
4.13	Perbandingan perbezaan nilai min dan sisihan piawai aktiviti Matematik	115
4.14	Test of Within-Subject Effects	117
4.15	Ujian univariat	118
4.16	Ujian Box's M	121
4.17	Ujian Levene	122
4.18	Test of Within-Subject Effect	122
4.19	Test of Between-Subject Effect	123
4.20	Ujian Box's M	125
4.21	Ujian Levene	126
4.22	Ujian univariat	127
4.23	Test Between-Subject Effects	128
4.24	Ujian perbandingan pasangan	129
5.1	Keputusan hipotesis	147



SENARAI RAJAH

Rajah	Tajuk	Muka Surat
1.1	Kerangka kajian	15
4.1	Perbezaan peratusan responden mengikut jantina	95
4.2	Kesan program intervensi	119
4.3	Perbandingan min tingkah laku pra dalam tiga aktiviti	124
4.4	Perbandingan min tingkah laku pra dan pasca dalam aktiviti membaca	129
4.5	Perbandingan min tingkah laku pra dan pasca dalam aktiviti sains	130
4.6	Perbandingan min tingkah laku pra dan pasca dalam aktiviti matematik	131

SENARAI SINGKATAN

ANOVA	Analysis of Variance
df	Degree of freedom (darjah kebebasan)
Ho	Hipotesis Nol
KK	Kumpulan Kawalan
KR	Kumpulan Rawatan
M	Min
S.D	Standard Deviation
SPANOVA	 pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah Split Plot ANOVA
SPSS	Statistical Package for Social Science
ZPD	Zon Perkembangan Proximal

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan tentang kajian yang ingin dijalankan dalam beberapa bahagian topik dan sub topik. Perbincangan ini melibatkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian. Malah, kepentingan kajian, batasan kajian dan istilah-istilah yang digunakan juga turut dibincangkan. Secara umumnya, kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat melalui penggunaan token bintang dan peraturan terhadap pengurangan masalah tingkah laku disruptif dalam kalangan kanak-kanak berumur enam tahun semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Faktor-faktor yang mendorong kajian ini dilaksanakan hasil daripada masalah-masalah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

yang timbul semasa proses pengajaran dan pembelajaran turut dibincangkan dalam pernyataan masalah.

1.2 Latar Belakang Kajian

Bimbingan tingkah laku pada peringkat awal persekolahan adalah penting kepada kanak-kanak untuk mendapatkan keserasian dan kesejahteraan kerana sekolah merupakan persekitaran yang baharu untuk kanak-kanak. Seven (2010) menyatakan kanak-kanak perlu diberikan peluang untuk membina kecekapan bukan hanya dari segi akademik malah dari segi sosial yang juga merupakan sebahagian daripada kejayaan dalam tahun pertama persekolahan. Penjelasan ini menunjukkan perhatian kepada bimbingan tingkah laku perlu diutamakan bermula hari kanak-kanak memasuki alam persekolahan.

Bimbingan pada tahun pertama adalah untuk membiasakan kanak-kanak dengan persekitaran baharu agar dapat melalui proses peralihan dengan baik. Burger (2010) menjelaskan tahun pertama persekolahan adalah penting untuk pembentukan kemahiran asas yang membantu kanak-kanak menghadapi kehidupan sehari-hari. Hillman (2013) juga berpendapat bahawa kanak-kanak perlu dilengkapkan dengan pelbagai kemahiran supaya lebih bersedia untuk memasuki ke alam persekitaran persekolahan. Kemahiran sosial adalah kemahiran yang paling penting untuk diberikan bimbingan bagi menentukan kejayaan seseorang individu. (Darney, Reinke, & Herman, 2014).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Dalam situasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah, kegagalan kanak-kanak bertingkah laku baik pada tahun pertama persekolahan dapat dilihat dalam pelbagai isu antaranya tidak mematuhi arahan guru, enggan melibatkan diri, menangis dan sebagainya. Masalah yang dipamerkan ini boleh menjurus kepada masalah gangguan kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Gangguan ini dijelaskan sebagai tingkah laku disruptif yang merupakan satu cabaran yang di hadapi guru dalam bilik darjah (Guardino & Fullerton, 2010).

Kewujudan masalah tingkah laku disruptif menjadikan tempoh masa yang diperuntukkan oleh guru dalam bilik darjah semakin terhad sehingga menyebabkan pembelajaran menjadi tidak efektif dan perkembangan kognitif kanak-kanak terganggu.

Menurut Ritz, Noltemeyer, Davis, & Green (2014), masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak muncul pada peringkat umur 2 hingga 5 tahun dan menjadi masalah utama dalam pendidikan prasekolah. Atas sebab itu, intervensi awal pada tahun pertama persekolahan adalah penting untuk dilaksanakan bagi memperkenalkan kepada kanak-kanak mengenai beberapa kemahiran asas yang penting. Melalui intervensi ini kanak-kanak mendapat bimbingan untuk bertingkah laku dengan lebih baik.

Intervensi awal di peringkat prasekolah adalah penting dalam memberikan bimbingan ke arah mencapai perkembangan yang baik. Intervensi ini bukan sahaja dapat meningkatkan perkembangan kognitif malah dapat membentuk perkembangan tingkah laku kanak-kanak yang lebih positif. Lasser & Fite (2011) percaya bahawa dengan melakukan intervensi awal dapat mencegah pelbagai masalah pendidikan. Hal ini kerana,



persediaan ke arah akademik bukan tujuan utama tetapi menyediakan jiwa dan minda kanak-kanak untuk mendengar, menunggu giliran, menghormati orang lain dan penglibatan dalam pembelajaran merupakan matlamat asas yang penting pada peringkat perkembangan kanak-kanak. Menurut Gulay & Onder, (2012) sekolah adalah persekitaran yang optimum untuk melaksanakan intervensi awal bagi meningkatkan kecekapan sosial-emosi kanak-kanak.

Sekolah juga merupakan sebuah institusi pembelajaran yang terbaik diwujudkan dengan matlamat untuk memupuk kemahiran asas dalam pelbagai perkembangan bermula daripada peringkat kanak-kanak. Malah, persekitaran bilik darjah yang kondusif dapat memupuk, menjaga dan menarik minat kanak-kanak untuk menerima pembelajaran. Gherasim, Maireana, & Butnaru (2012), berpendapat persekitaran bilik darjah yang baik dapat meningkatkan pencapaian akademik kanak-kanak dan meningkatkan tingkah laku positif. Persekitaran yang baik adalah bermula daripada pengurusan yang teratur dalam mengatasi kewujudan masalah tingkah laku disruptif yang berlaku dalam bilik darjah.

1.3 Pernyataan Masalah

Kewujudan masalah tingkah laku disruptif yang dipamerkan oleh kanak-kanak sedikit sebanyak telah mengganggu kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Todras (2007) menjelaskan tingkah laku disruptif tahap ringan adalah seperti



bercakap, tidak duduk diam, tidak menyiapkan latihan, berjalan-jalan manakala tahap sederhana adalah seperti menendang, menggigit dan memukul. Kesemua tingkah laku yang dipamerkan oleh kanak-kanak ini adakalanya sengaja dilakukan bagi mendapatkan perhatian.

Seven (2010) menyatakan sikap inginkan perhatian, penerimaan diri dan pemalu adalah antara faktor yang sangat signifikan dengan tingkah laku sosial kanak-kanak. Kanak-kanak prasekolah pada kebiasaannya menunjukkan jenis tingkah laku yang agak ringan seperti menangis, mengasingkan diri dan membuat gangguan bagi mendapatkan perhatian untuk menguji guru atau ibu bapa. Walaupun masalah ini di anggap ringan, namun jika tidak di tangani dengan lebih awal boleh mendorong keburukan di kemudian hari sehingga boleh menjelaskan perkembangan kognitif. Alatupa (2011) menjelaskan masalah tingkah laku disruptif banyak mempengaruhi hasil pembelajaran dan perkembangan sosial seseorang.

Tambahan lagi, masalah tingkah laku bukan satu masalah baharu dalam kamus kehidupan seorang guru kerana semua guru berhadapan dengan masalah ini setiap hari (Fields, 2012). Masalah tingkah laku ini juga dikaitkan dengan motivasi dan tumpuan yang lemah, ketidakupayaan untuk bekerjasama, kurang keyakinan diri, kelewatan perkembangan bahasa dan emosi (MacLure, Jones, Holmes, & MacRae, 2012). Masalah tingkah laku disruptif terutamanya dalam kalangan kanak-kanak prasekolah pada kebiasaannya dihadapi oleh guru semasa kemasukan kanak-kanak terutamanya pada tahun pertama persekolahan.



Menurut Stefan & Mircea (2013) masalah tingkah laku ini disebabkan kurangnya intervensi yang diberikan kepada kanak-kanak yang tidak mempunyai masalah klinikal pada peringkat awal. Bukan itu sahaja, kesilapan dalam memilih strategi pengurusan juga boleh menyebabkan berlakunya gangguan-gangguan kecil ini. Kajian menunjukkan guru sering menghadapi masalah dalam memilih strategi modifikasi yang sesuai untuk menangani masalah tingkah laku disruptif tahap ringan (Carter & Pool, 2012). Sememangnya, untuk berhadapan dengan tingkah laku kanak-kanak bukan satu perkara yang mudah. Menurut Surayah Zaidon, (2008) Bloom telah menyatakan dalam kajiannya bahawa 80% kecerdasan seseorang individu pada usia 18 tahun, terbina pada peringkat umur prasekolah.



memberikan kesan dalam hubungan dengan rakan-rakan, hubungan dengan guru, pembelajaran dan keselamatan pada masa hadapan. Bulotsky-Shearer & Fantuzzo (2011) menyatakan kehadiran kanak-kanak ke tadika pada tahun pertama persekolahan merupakan cabaran kepada guru dalam memberikan pendidikan dan menangani tingkah laku yang mencabar. Kemahiran sosial harus diterapkan sejak dari kecil lagi supaya kanak-kanak tidak menjadi individu yang mempunyai masalah tingkah laku apabila dewasa.

Beberapa kajian menunjukkan masalah tingkah laku dan pengurusan bilik darjah adalah isu yang penting bagi guru-guru di Malaysia (Ching, 2011, Zakaria, Reupert, & Sharma, 2013), Turkey (Kayikci, 2011) dan USA (Smart & Igo, 2010). Pengurusan yang





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

baik dapat memberikan persekitaran yang sempurna. Disebabkan itu, intervensi awal adalah penting untuk kesejahteraan kanak-kanak selain untuk mencapai tahap perkembangan yang baik terutamanya pada perkembangan tingkah laku.

1.4 Objektif Kajian

Objektif utama penyelidikan ini dijalankan adalah untuk menguji keberkesanan token ekonomi dan peraturan bilik darjah dalam mengurangkan masalah tingkah laku disruptif kanak-kanak. Berikut adalah tiga objektif yang ingin dicapai oleh pengkaji dalam kajian ini.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

1.4.1 Untuk mengenal pasti jenis masalah tingkah laku disruptif yang kerap dilakukan oleh kanak-kanak semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

1.4.2 Untuk menguji kesan program intervensi menggunakan token dan peraturan dalam mengurangkan masalah tingkah laku disruptif semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

1.4.3 Untuk menilai keberkesanan program intervensi terhadap pengurangan masalah tingkah laku disruptif semasa proses pengajaran dan pembelajaran.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.5 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan, maka kajian ini cuba menjawab beberapa soalan berikut:

- 1.5.1 Apakah jenis masalah tingkah laku disruptif yang kerap berlaku semasa proses pengajaran dan pembelajaran?
- 1.5.2 Adakah program intervensi menggunakan token dan peraturan berkesan dalam mengurangkan masalah tingkah laku disruptif semasa proses pengajaran dan pembelajaran?
- 1.5.3 Sejauh manakah keberkesanan program intervensi dalam mengurangkan masalah tingkah laku disruptif semasa proses pengajaran dan pembelajaran?

1.6 Hipotesis Kajian

Berikut adalah hipotesis awal yang mungkin wujud antara boleh ubah-boleh ubah.

- Ho1 Tidak terdapat perbezaan nilai min skor tingkah laku yang signifikan bagi kedua-dua kumpulan rawatan dan kawalan semasa pemerhatian pra.
- Ho2 Tidak terdapat kesan intervensi yang signifikan terhadap nilai min skor tingkah laku bagi kumpulan rawatan dalam keempat-empat fasa pemerhatian.



Ho3 Tidak terdapat perbezaan min skor tingkah laku yang signifikan bagi kedua-dua kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dalam pemerhatian pra dan pasca.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dilaksanakan bagi menambahkan ilmu pengetahuan dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak. Kebanyakan kajian mengenai masalah tingkah laku disruptif dilihat berlaku dalam kalangan kanak-kanak yang mengalami masalah kesihatan seperti autisme, ADHD (Virués-Ortega, 2010) dan jarang dilihat kepada kanak-kanak yang normal dalam konteks Malaysia. Walaupun masalah tingkah laku disruptif yang berlaku dalam kanak-kanak normal ini berada di tahap ringan. Namun perkara ini perlu diatasi untuk kesejahteraan masa hadapan.

Malah, cabaran dan tekanan mengenai masalah tingkah laku kanak-kanak telah menjadi topik perbualan utama dalam kalangan guru prasekolah. Sehingga Zhai, Raver, & Li-Grining (2012) menyifatkan kerjaya dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak boleh menjadi satu tekanan. Hal ini menunjukkan bahawa menangani masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak merupakan satu tanggungjawab yang besar dan mencabar. Dengan menjalankan kajian seperti ini, dapat memberikan penjelasan lebih terperinci dalam mengenal pasti jenis masalah tingkah laku disruptif yang kerap di lakukan sehingga menyebabkan perkembangan kognitif kanak-kanak terjejas.





Tambahan lagi, kajian ini penting untuk menambah pengetahuan tentang keberkesanan penggunaan peraturan dan token dalam mengurangkan masalah tingkah laku disruptif. Penggunaan token dan peraturan adalah strategi yang paling cepat untuk memotivasi kanak-kanak yang berumur 6 tahun. Nores & Barnett (2010) menyatakan 5 tahun pertama kehidupan kanak-kanak adalah penting untuk meningkatkan perkembangan awal tetapi masih kurang kajian meneliti tentang cara-cara paling berkesan dan cekap untuk meningkatkan perkembangan awal. Pengujian terhadap token dan peraturan sebagai alat yang digunakan kepada kumpulan rawatan untuk merangsang dan membimbing tingkah laku dalam bilik darjah menambahkan lagi pengetahuan pembaca. Pentimonti & Justice (2010) menyatakan bimbingan awal dapat mempengaruhi perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh.



Dalam kajian ini, kanak-kanak dibimbing untuk bertingkah laku baik melalui program intervensi token dan peraturan. Bimbingan awal bukan sahaja dapat mengelakkan kanak-kanak tercicir dalam pembelajaran malah dapat membentuk tingkah laku yang lebih baik. Alatupa (2011) menyatakan masalah tingkah laku disruptif dalam kalangan kanak-kanak boleh menjelaskan pencapaian akademik. Samkan (2011) pula menyatakan persekitaran pembelajaran yang ceria dapat membangkitkan semangat untuk belajar dan memperkembangkan bakat. Persekitaran pembelajaran yang ceria yakni persekitaran dalaman dan luaran perlu diteliti dengan baik bagi membantu kanak-kanak memperbaiki kemahiran sosial sebagai proses kesediaan untuk melangkah ke alam persekolahan sebenar (Rohaty Mohd Majzub & Aminah Abdul Rashid, 2012).





Malah, Shuhana Shamsuddin, Hanim Bahauddin & Norsiah Abd. Aziz (2012) juga menyatakan persekitaran sekolah adalah penting untuk perkembangan kanak-kanak. Hal ini menunjukkan persekitaran bilik darjah juga adalah antara aspek penting dalam membimbing tingkah laku. Penggabungan beberapa teori seperti teori tingkah laku, teori sosio budaya dan teori ekologi adalah penting dalam mendapatkan hasil kajian yang komprehensif. Konsep-konsep yang di nyatakan dalam setiap teori memberikan kepentingan dalam menambahkan ilmu pengetahuan untuk membimbing kanak-kanak dalam suasana persekitaran bilik darjah yang kondusif dan terkawal. Fabiano et al,(2013) menyatakan keberkesanan bimbingan tingkah laku adalah komponen penting dalam persekitaran bilik darjah.



1.8 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada kanak-kanak tadika yang melalui tempoh persekolahan yang sama, iaitu dari bulan Januari hingga Mac 2014. Sampel kajian yang digunakan adalah seramai 48 orang yang terdiri daripada kanak-kanak lelaki dan perempuan berumur 6 tahun. Kesemua sampel di pilih berdasarkan kepada kumpulan sedia ada yang mana setiap kumpulan terdiri daripada 24 orang kanak-kanak yang bertindak sebagai kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Kajian intervensi menggunakan token dan peraturan dilakukan kepada kumpulan rawatan. Manakala kumpulan kawalan tidak diberikan sebarang intervensi.

